

**CIRI-CIRI PETEMPATAN DAN MASALAH PEMBANGUNAN
KAMPUNG TRADISIONAL DALAM BANDAR**

Kajian Kes :Kampung Kepayang, Ipoh, Perak

NOOR AZMAH BINTI AHMAD NAWAWI

**Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2007

ABSTRAK

Proses perbandaran dan pembangunan yang pesat khususnya di kawasan bandar telah banyak mempengaruhi struktur fizikal, ruang dan mentaliti masyarakat kampung dalam bandar. Arus modenisasi yang melanda khususnya di kawasan bandar turut meninggalkan kesan samada dari segi sosial mahupun ekonomi kepada penempatan kampung dalam bandar yang masih mengekalkan ciri-ciri fizikal sebagai sebuah kampung. Fenomena ini telah menjadi perkara biasa bagi kebanyakan bandar yang menghadapi pertumbuhan yang pesat samada dari aspek ekonomi, sosial mahupun fizikal. Berdasarkan permasalahan yang timbul, Kampung Kepayang (berstatus kampung tradisional dalam bandar) telah dipilih untuk memberi gambaran ciri-ciri petempatan kampung tradisional dalam bandar. Kajian ini juga memfokuskan kepada corak pembangunan kampung yang sesuai dalam bandar. Hasil penemuan mendapati Kampung Kepayang masih belum mencapai tahap kesejahteraan hidup yang memuaskan kerana terdedah dengan pelbagai masalah kekurangan pembangunan yang disebabkan oleh faktor pembangunan yang tidak seimbang. Oleh itu, program-program pembangunan perlu dirancang bagi mengembalikan imej kampung tradisional dalam bandar. Berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh Kampung Kepayang, beberapa pendekatan atau penyelesaian telah dicadangkan iaitu melebarkan jalan raya, penyediaan kawasan rekreasi yang menarik, menyatukan tanah secara berkelompok, mendedahkan pemilik tanah kepada aspek pembangunan serta cadangan jangka panjang iaitu berdasarkan dasar dan strategi yang telah ditetapkan. Penyelidikan ini sangat berguna kepada perancang, pihak berkuasa tempatan, perunding perancangan, pemaju tanah, penduduk kampung dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan kawasan bandar, khususnya pembangunan kampung tradisional dalam bandar. Pertimbangan terhadap masalah-masalah yang dikenalpasti, petempatan kampung tradisional dalam bandar yang lebih baik akan diwujudkan.

ABSTRACT

The rapid development process especially in urban area are influence a lot of physical structure, spatial and mentality of urban villagers. Current modernization in urban area also bring an effect, either in social or economics aspect to the urban village settlement that still preserve an physical characteristic as a village. This phenomenon has become common things to most cities when it's faced the rapid growth scenario, either in economics, social or physical aspect. Based on problems faced, Kampung Kepayang (as a traditional urban village), are choosen to give the first impression on the characteristic of traditional urban village. This research also focused on the suitable pattern of urban village development. The findings show Kampung Kepayang was not achieved comfortable life because it not covered with shortage cause by well-balanced development. Because of development programmed should plan be development to recover the image of traditional urban village. Based on the problems fased of Kampung Kepayang, a few planning approach has suggested such as development the road systems, create the interesting recreation area, combine the land/land agglomeration), give an information to land owner about development aspect and long term proposed based on that policy and strategies of government identified. This research are very useful to planners, local authority, planning consultants, land developers, villagers and anybody which involved in planning or development of urban area especially in urban traditional villages. Considered to the problems identified, the best characteristic of traditional urban village settlement will be created or development.